

Kemanusiaan mesej ajaran Islam murni

UM - 4 MAY 2005

KUALA LUMPUR 3 Mei — Mesej kemurnian ajaran Islam akan lebih mudah disampaikan sekiranya umat Islam terlibat secara aktif dalam aktiviti menyalurkan bantuan kemanusiaan ke seluruh dunia, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, cara tersebut membolehkan masyarakat antarabangsa lebih cepat memahami Islam yang sebelum ini banyak tercemar dengan perbuatan keganasan dan pertelagahan penganutnya sendiri.

“Usaha kebajikan membolehkan dunia mengiktiraf kebaikan Islam dan ia adalah satu bentuk dakwah yang mudah difahami, tidak kira kepada orang Islam atau bukan Islam.

“Dengan hanya menolong orang, ia akan memberi mesej yang lebih konkrit dan berasas,” kata beliau ketika berucap merasmikan Islamic Relief Malaysia Berhad (IRMB), di sini, hari ini.

IRMB adalah pejabat pusat rantau Asia bagi pertubuhan bantuan Islam antarabangsa, Islamic Relief yang berpusat di Birmingham, United Kingdom (UK).

Hadir sama ialah Presiden

Islamic Relief, Dr. Hany El-Banna dan ahli lembaga pemegang amanah IRMB, Prof. Dr. Azni Idris dan Mariah Suhaimi.

Dr. Mahathir berkata, aktiviti bantuan kemanusiaan amat penting kerana adalah suatu yang malang apabila sebahagian umat Islam kini dibiarkan tinggal dalam keadaan miskin.

Sedangkan kata beliau, terdapat sebahagian lain umat Islam memiliki kekayaan yang sukar dibayangkan oleh fikiran.

Tambah beliau, umat Islam juga lebih cenderung me-

numpukan masalah perbezaan pendapat dalam agama dan mendakwa mereka lebih Islamik daripada orang lain.

“Sebenarnya keadaan inilah yang tidak Islamik kerana tidak ada satu pun ayat al-Quran yang menyuruh kita bergaduh, membuat kacau, melakukan keganasan dan hidup miskin.

“Tetapi terlalu banyak ayat al-Quran yang menyeru kita agar saling membantu dan melakukan kebajikan,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir juga menyarankan agar kerja-kerja kebajikan tidak dihadkan kepada umat Islam sahaja sebaliknya bantuan juga perlu disalurkan kepada orang bukan Islam.

“Kalau umat Islam dibenarkan menerima bantuan daripada orang bukan Islam, umat Islam juga perlu menghulurkan bantuan kepada orang bukan Islam yang memerlukan,” katanya.

Sementara itu Hany menyatakan, Malaysia akan menjadi hub bagi aktiviti Islamic Relief di Asia Selatan termasuk Australia, New Zealand dan China.

“Malaysia dipilih kerana ia mempunyai latar belakang sebuah negara Islam maju,

pelbagai kaum dan memiliki tenaga sumber manusia yang mahir.

“Ini adalah satu kelebihan bagi rantau ini serta antarabangsa dan ia akan lebih memudahkan proses bantuan di kawasan konflik kerana masyarakat lebih memahami situasi yang berbilang agama dan kaum,” katanya.

Jelas beliau, pertubuhan itu sedang menyiapkan pelan strategi bagi menjalankan pelbagai program melibatkan penduduk di Indonesia, Filipina, Thailand dan China.

“Pada masa ini, kita menumpukan usaha bantuan kemanusiaan di Aceh dan Pulau Nias yang musnah kerana dilanda gempa bumi,” katanya.

Islamic Relief yang beroperasi selama 20 tahun sebelum ini aktif menyalurkan bantuan di negara-negara yang menghadapi masalah kebuluran seperti Afrika dan kawasan konflik melibatkan Kosovo, Bosnia dan Chechnya.

Usaha Islamic Relief turut mendapat sokongan Program Makanan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (WFP), Pejabat Bantuan Kemanusiaan Kesatuan Eropah (ECHO) dan Jabatan Pembangunan Antarabangsa UK.